# Institusi Raja Perlu Bertenaga, Dinamik - Pemangku Sultan Kelantan

Tarikh kemaskini: 15/08/2017

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Institusi Raja perlu bertenaga, bersifat dinamik lagi meyakinkan dan memenuhi peranan sebagai payung penyatuan rakyat.

Pemangku Sultan Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra bertitah Institusi Raja memerlukan elemen-elemen itu dalam menggalas peranan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan dan payung penyatuan dalam sebuah masyarakat plural yang saling memerlukan.

"Dalam menyempurnakan peranan ini, Raja perlu merasai denyut nadi dan mendengari degup jantung rakyat yang berada di bawah naungan," tidah baginda ketika menyampaikan syarahan bertajuk 'Simbiosis Raja dan Rakyat' di INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) Royal Talk 2017, di sini hari ini.

Baginda bertitah Raja hendaklah berdada lapang

berfikiran terbuka menimbang dan mengimbang rintihan serta perasaan warga dalam usaha membantu ke arah membina warga yang berpadu lagi bersatu.

"Mengamati kedinamikan iklim politik dan percaturan siasah yang sedang berlaku, peranan Raja dan institusi Beraja semakin diperlukan untuk menjadi penenang kepada kekalutan, menjadi penyembuh kepada kesakitan dan menjadi penawar kepada kedukaan," titah baginda.....

Untuk berita penuh sila langgan BERNAMA.com Xtra [Klik di sini]